

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU**  
**MANSUR (SILAM)**  
**TARIKH : 03.04.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 17**

minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bermula dari tahun 2003 hingga 2013 berapa ramaikah golongan siswazah yang telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan mendapat bantuan skim pinjaman siswazah daripada agensi Kerajaan seperti TEKUN, MARA, SME Bank. Daripada jumlah ini berapa ramaikah antara mereka yang berjaya dalam bidang perniagaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara keseluruhannya, mulai tahun 2003 hingga tahun 2013, seramai 7,447 orang siswazah telah mendapat bantuan daripada dana yang disediakan oleh tiga (3) agensi Kerajaan iaitu TEKUN, MARA dan SME Bank. Bantuan yang diluluskan kepada mereka adalah berbentuk pinjaman mudah khusus bagi siswazah bagi memula dan mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya iaitu SME Bank sejak penubuhannya pada Oktober 2005,

telah menawarkan program khusus untuk golongan siswazah menceburkan diri dalam bidang perniagaan di bawah Skim Usahawan Siswazah (SUS). Skim ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai siswazah lepasan pusat pengajian tinggi menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan seterusnya menjadikan perniagaan sebagai kerjaya mereka. Skim ini terbuka kepada pemegang Diploma/Ijazah daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta yang telah menamatkan pengajian tidak melebihi 15 tahun dan berumur tidak melebihi 40 tahun semasa permohonan dibuat. Dari tahun 2005 hingga Januari 2014, hampir RM120 juta pembiayaan secara pinjaman mudah telah diluluskan di bawah skim ini dan sebanyak hampir 900 usahawan siswazah telah menerima faedah daripadanya. Pada masa ini, sekitar 96% perniagaan milik usahawan siswazah ini beroperasi dengan baik dan berupaya membayar balik pinjaman mereka mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi meningkatkan lagi bilangan siswazah menyertai program ini, TEKUN Nasional juga turut membantu usahawan baharu yang ingin memulakan perniagaan dan juga usahawan sedia ada yang merancang untuk meningkatkan perniagaan melalui pinjaman modal secara *micro credit* yang disediakan.

Bagi membantu golongan siswazah, TEKUN Nasional telah mewujudkan satu program khusus iaitu Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) bagi membantu golongan siswazah menceburi bidang keusahawanan.

TEKUN Nasional telah menjalin usahasama dengan beberapa Institut Pengajian Tinggi bagi menyebarkan maklumat mengenai kemudahan pinjaman TEKUN serta peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh siswazah. Program ini juga menyediakan latihan keusahawanan bagi membimbing mereka yang telah diluluskan pinjaman untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam menjalankan perniagaan. Melalui bimbingan yang diberikan, secara tidak langsung perniagaan yang dijalankan oleh mereka akan lebih bersistematik dan dapat menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi.

Sehingga Februari 2014, TEKUN Nasional telah menyalurkan pinjaman berjumlah RM905,000 melibatkan 43 siswazah di seluruh negara termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi Majlis Amanah Rakyat (MARA), sehingga kini seramai 6,504 orang siswazah yang terdiri daripada 2,441 pemegang ijazah dan 4,063 pemegang diploma telah diluluskan pinjaman bagi memulakan dan meningkatkan perniagaan mereka dalam sektor-sektor yang digalakkan oleh Kerajaan.